

BAB I: PENDAHULUAN

1.1. Latar belakang masalah

Perbahasan tentang munculnya isu kesetaraan gender di Indonesia menerusi pendapat para feminis, seringkali dihubungkan dengan gerakan wanita semenjak zaman penjajahan Belanda. Gerakan individu daripada tokoh-tokoh pahlawan wanita dikategorikan sebagai indikasi kebangkitan kesadaran kolektif bagi munculnya organisasi wanita. Kepahlawanan tokoh-tokoh wanita, seperti Kartini (1879-1908), Nyi Ageng Serang (1752-1828), Cut Nyak Dien (1850-1908), Martha Christina Tiahahu (1818), Cut Mutia (1870-1910), Dewi Sartika dan seumpamanya dipercaya sebagai sejarah awal munculnya gerakan wanita di Indonesia.¹

Organisasi formal wanita yang pertama kali muncul di Indonesia adalah "Putri Mardika". Ia ditubuhkan di Jakarta pada tahun 1912 untuk memperjuangkan hak-hak wanita di bidang pendidikan dan berperanan di ruang awam. Tahun 1913, organisasi ini menerbitkan buletin mingguan yang memuat tulisan-tulisan tentang masalah poligami dan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur. Pada tahun 1919 buletin Putri Mardika memuat akhbar tentang kongres feminisme tahun itu di Paris. Semenjak itu, banyak organisasi-organisasi wanita ditubuhkan, seperti "Sopo Tresno" (1914) yang kemudian berganti nama "Aisyiah" (1917), "Wanoedya Oetomo" (1920) dan organisasi-organisasi wanita seumpamanya.²

¹ Muhadjir Darwin, "Gerakan Perempuan di Indonesia dari Masa ke Masa", *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik* 7, No. 3, (Maret 2004), 283

² Tati Hartimah dan Mu'min Ma'ruf, "Sejarah Pergerakan Perempuan di Indonesia", dalam *Pengantar Kajian Gender*, Tim Penulis Pusat Studi Wanita (PSW) UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, (Jakarta, PSW UIN Syarif Hidayatullah dan McGill-ICIHEP, 2003), 14-20

Perkembangan organisasi wanita semakin pesat apabila pada 22-25 Desember 1928 diadakan "Kongres Perempuan Indonesia I" di Yogyakarta yang mempertemukan para pejuang wanita Indonesia. Kongres ini diikuti 30 organisasi wanita seluruh Indonesia dan berjaya mengeluarkan resolusi yang dideklarasikan dengan tuntutan usaha peningkatan kondisi wanita dan persyaratan perkahwinan. Di samping itu, kongres ini juga menubuhkan Kongres Wanita Indonesia (Kowani). Pada kongres Perempuan Indonesia III tahun 1938 menetapkan tanggal 22 Desember sebagai perayaan "Hari Ibu" (*mother's day*). Presiden Soekarno menetapkan melalui Dekrit Presiden No. 316 tahun 1959 bahawa tanggal 22 Desember adalah Hari Ibu dan dirayakan secara nasional sehingga sekarang. Peristiwa itu merupakan satu tiang penting dalam sejarah perjuangan wanita di Indonesia.³ Perjuangan organisasi-organisasi wanita tersebut pada awal sejarahnya bersifat kultural bagi meningkatkan nilai-nilai budaya, pendidikan, adab dan etika.

Dengan berubahnya zaman, tuntutan hak dan peranan wanita yang sama dengan lelaki semakin meluas. Budaya patriarki di Indonesia dianggap telah menyebabkan berlakunya diskriminasi ke atas wanita dan terhadapnya peranan mereka di ruang awam. Oleh itu, para aktivis gender berjuang bagi mendapatkan hak berpolitik yang lebih luas. Akhirnya usaha mereka berjaya apabila dirasmikan perundang-undangan pilihan raya 2003 Pasal 65 Ayat 1. Di dalam perundang-undangan itu ditetapkan bahawa setiap parti politik yang menjadi peserta pilihan raya boleh mengajukan calon anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) provinsi, dan DPRD kabupaten/kota untuk mana-mana kawasan undi dengan memperhatikan keterwakilan wanita sekurang-kurangnya 30 peratus. Upaya para aktivis gender ini

³Ika Pasca Himawati, "Memaknai Perayaan Hari Ibu", laman sesawang Universitas Islam Indonesia (UII), dicapai 12 Dis 2013, <http://psg.uui.ac.id/index.php/RADIO/MEMAKNAI-PERAYAAN-HARI-IBU.html>

masih dilanjutkan sehingga tercapai penambahan redaksi Pasal 65 UU Pilihan Raya 2003 dengan kata-kata "wajib".⁴

Sedangkan di dalam bidang keagamaan, khasnya di kalangan Kristian, perkembangan isu kesetaraan gender ditandai dengan tampilnya pendeta wanita di Kupang, Nusa Tenggara Timur pada tahun 1923 yang mempunyai jaringan antarabangsa.⁵ Selanjutnya, isu kesetaraan gender pun meluas kepada penyelidikan teks-teks Alkitab (Bible) dan kitab suci agama-agama lain, termasuklah al-Qur'an dan al-Ḥadīth.

Walaupun demikian, perkembangan isu gender sebagai wacana akademik baru bermula semenjak tahun 1990an. Gender sebagai suatu istilah kemudian menjadi perbincangan yang relevan di bidang akademik kerana dipandang sebagai sebuah analisis ke atas permasalahan-permasalahan yang wujud di dalam masyarakat. Pengajian gender pada awalnya merupakan reaksi terhadap pelbagai ketidakadilan dan ketempangan peranan sosial antara lelaki dan wanita di dalam masyarakat.⁶ Selanjutnya ia berkembang kepada kajian tentang anasir-anasir yang dipandang turut serta mengekalkan budaya patriarki, termasuk teks-teks keagamaan dan hasil *ijtihād* para ulama di dalam kitab fiqh dan tafsir.

Perkembangan isu gender di dalam dunia akademik disokong dengan ditubuhkannya institusi-institusi Pusat Studi Wanita (PSW) atau Pusat Studi Gender (PSG), wujudnya kursus-kursus gender dalam kurikulum, banyaknya penerbitan buku-

⁴ Ninuk Mardiana Pambudy, *PARLEMEN: Perempuan Bersiap Hadapi Pemilihan Umum 2009*, Harian Kompas, Senin, 16 April 2007

⁵ Temubual Akhbar "Pelita" dengan Menteri Negara Pemberdayaan Perempuan, Meutia Hatta Swasono, di pejabatnya, "Ini Abad Kebangkitan Perempuan", laman sesawang, dicapai 13 Mac 2012, <http://www.pelita.or.id/baca.php?id=49329>

⁶ Asriati Jamil dan Amany Lubis, "Seks dan Gender", dalam *Pengantar Kajian Gender*, 53

buku, dan tugas penyelidikan akademik, sama ada berupa tesis, jurnal, mahupun buku-buku teks sebagai bahan pengajaran.

Dengan semakin banyaknya penubuhan PSW/PSG di pelbagai institut pengajian tinggi dan Lembaga Swadaya Masyarakat (NGO), maka penyelidikan isu-isu gender akhirnya berkembang ke dalam pengajian Islam. Di antara objektif kajian kesetaraan gender (*gender equality*) yang seringkali dihuraikan oleh para penyelidik feminis ialah untuk menjawab cabaran pemikiran dan tafsiran keagamaan para ulama klasik yang dianggap lebih memihak lelaki.⁷

Dengan demikian, perkembangan wacana kesetaraan gender sedikit sebanyak juga berkesan ke atas pemikiran Islam dan mendorong munculnya gerakan Islam Feminis di Indonesia. Kesan ini sebahagiannya boleh dilihat daripada festival *Annual Conference on Islamic Studies* (ACIS) VII di Pekanbaru, 21-24 November 2007, anjuran Direktorat Pendidikan Tinggi Islam, Departemen Agama RI dan UIN Sultan Syarif Kasim Riau yang diikuti oleh utusan universiti-universiti Islam di Indonesia. Pelbagai kertas kerja yang dibentangkan berkenaan dengan pengajian kesetaraan gender di dalam ACIS VII ini diarahkan untuk menyelidik semula hukum Islam yang berkenaan dengan hak-hak wanita.⁸

Hasil ijtihād para ulama klasik yang dibukukan dalam kitab-kitab Fiqh, Tafsīr dan Kalām didakwa bercorak perkauman (*racist*) yang didominasi oleh bangsa Arab, tidak adil kerana dibuat oleh ulama berjantina lelaki untuk menindas wanita, dan bersifat

⁷ Euis Amalia, "Feminisme: Konsep, Sejarah dan Perkembangannya", dalam *Pengantar Kajian Gender*, 124

⁸ Di antara tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan dalam ACIS VII iatu: "Mengubah Wajah Fikih Islam", "Syahrur, Poligami dan Perlindungan Anak di Indonesia", "Pelanggaran Hak-hak Perempuan dan Anak dalam Praktek Poligami. Studi Kasus di Jawa Indonesia", "HAM (Hak Asasi Manusia) dan Hak Perempuan", "Praktik Sunat Perempuan (*Female Circumission*): Sebuah Dilema Islam Kontekstual dan Hak Asasi Perempuan", dan seumpamanya. Penulis juga hadir dalam program ACIS VII ini.

eksklusif yang tidak toleran terhadap bukan-muslim. Oleh itu, kitab-kitab ulama klasik dipandang usang (*out of date*) dan perlu diganti dengan fiqh yang bersifat pluralis yang menjamin hak kebebasan dalam beragama, termasuk hak untuk menafsirkan agama. Fiqh berkeadilan gender juga dicadangkan sebagai pengganti fiqh patriarki, fiqh inklusif pengganti bagi fiqh perkauman, dan fiqh tempatan Indonesia pengganti bagi fiqh Arab.⁹

Sebelumnya, Nasaruddin Umar dalam tesis Ph.D beliau di IAIN (sekarang UIN) Jakarta juga mendakwa bahawa fiqh yang ada menindas wanita. Dalam tesis tersebut, beliau mendefinisikan bahawa ilmu fiqh merupakan hasil penafsiran kultural terhadap sharī'ah yang dihasilkan oleh ulama-ulama fiqh semenjak abad 2H.¹⁰ Ilmu fiqh dibuat di dalam masyarakat yang dominan laki-laki (*male dominated society*), dan bersifat patriarki.¹¹ Oleh itu, kitab-kitab fiqh yang wujud sehingga zaman ini hanyalah dipandang hasil ijtihād ulama Arab yang dipengaruhi oleh budaya tempatan. Bahkan tidak sedikit ayat-ayat al-Qur'an diturunkan untuk menanggapi atau meyakong budaya tempatan masyarakat Arab.¹²

Di dalam menganalisis al-Qur'an, para aktivis gender mula-mula menempatkan naskah al-Qur'an sejajar dengan naskah-naskah lainnya yang tidak memiliki makna kesucian, mempersoalkan sumbernya, keasliannya, budaya yang melatarbelakanginya, dan seumpamanya.¹³ Pandangan seperti ini juga dikuatkan oleh Sulhawi Ruba, pensyarah IAIN Sunan Ampel Surabaya berusia 51 tahun. Di dalam mengukuhkan doktrin bahawa kedudukan al-Qur'an benar-benar hasil budaya manusia yang tidak mempunyai kesucian, pada 5 Mei 2006, secara sedar beliau menginjak-injak lafaz Allah

⁹ Abd Moqsih Ghazali, *Mengubah Wajah Fikih Islam*, kertas kerja dibentangkan pada festival "Annual Conference on Islamic Studies 2007" di Pekanbaru, 21-24 November 2007, anjuran Direktorat Pendidikan Tinggi Islam Departemen Agama RI dan UIN Sultan Syarif Kasim Riau, 3-15

¹⁰ Nasaruddin Umar, *Argumen Kesetaraan Jender: Perspektif al-Qur'an*, (Jakarta: Paramadina, 2001), 288

¹¹ Ibid, 292

¹² Ibid, 307

¹³ Ibid, 265-266

di hadapan mahasiswanya. Beliau memandang bahawa al-Quran sebagai mushaf adalah budaya kerana bahasa Arab, huruf hijāiyah, dan kertas merupakan hasil karya cipta manusia.¹⁴ Penyelidik lain dalam tesis masternya di UIN Yogyakarta juga menguatkan pandangan semisal ini dan berpandangan bahawa kesucian al-Qur'an hanya wujud di dalam pesan Tuhan yang masih dalam tahap pencarian. Oleh itu, tidak silap apabila manusia bermain-main dengan mushaf al-Qur'an.¹⁵

Usaha mengekalkan pemahaman al-Qur'an dalam perspektif gender selanjutnya dilakukan dengan cara mengkritik pelbagai metode tafsir dan 'Ulūm al-Qur'ān yang wujud semenjak zaman Sahabat. Kritikan ini dititikberatkan ke atas anasir-anasir yang dianggap turut memberi peranan ketidakadilan gender dalam pemahaman *nasy* al-Qur'an, seperti pembakuan tanda huruf, tanda baca dan *qirā'āt*; pengertian kosa kata; pengisbatan rujukan kata ganti (*damīr*); pengisbatan had pengecualian; pengisbatan erti huruf 'atf, kesan riwayat *isrā'iliyyāt*, ketidakadilan gender di dalam struktur bahasa Arab, kamus bahasa Arab, metode tafsir, dan pembakuan dan pembakuan kitab-kitab Fiqh. Sebagai contoh, dalam menghuraikan wujudnya ketidakadilan gender dalam susunan bahasa Arab, Nasaruddin Umar mendakwa bahawa bahasa Arab yang "dipinjam" Tuhan dalam menyampaikan idea-Nya semenjak awal mengalami *bias* jender, sama ada di dalam kosa kata (*mufradāt*) atau di dalam susunannya.¹⁶ Misalnya apabila yang menjadi sasaran pembicaraan lelaki dan wanita cukup digunakan bentuk lelaki, seperti kewajiban mendirikan solat cukup dikatakan *aqīmū al-ṣalāh*, tidak perlu lagi dikatakan *aqimna al-ṣalāh*.¹⁷

¹⁴ Henri Shalahuddin, *Al-Quran Dihujat*, (Jakarta: Gema Insani Press, cet. II, 2007), 97

¹⁵ Aksin Wijaya, *Menggugat Otentisitas Wahyu Tuhan: Kritik Atas Nalar Tafsir Gender*, (Yogyakarta: Safiria Insania Press, 2004), 123. Buku ini asalnya adalah tesis master di UIN Yogyakarta

¹⁶ Nasaruddin Umar, *Argumen Kesetaraan Jender: Perspektif al-Qur'an*, 277

¹⁷ *ibid*, 278

Oleh itu, di dalam memahami naskah al-Qur'an beliau mencadangkan metode kritikan sejarah, iaitu dengan mengkaji latar belakang budaya yang dimiliki suatu bahasa dan membezakan anasir normatif daripada yang kontekstual.¹⁸ Sebab al-Qur'an pertama kali ditujukan di kawasan Arab yang sarat dengan pelbagai nilai.¹⁹ Selanjutnya bagi menguatkan justifikasi metode kritikan sejarah dalam memahami al-Qur'an, maka digunakan sandaran teori *khuṣūṣ al-sabab* yang minor di kalangan ulama tafsir. Sehingga dengan pendekatan ini, tidak wujud lagi ayat-ayat yang merugikan wanita di zaman moden ini, meskipun lafaz ayat itu bersifat am.²⁰ Sedangkan pendekatan jumhur ulama yang menggunakan teori *'umūm al-lafz* didakwa lebih tekstual.²¹

Sandaran teori *asbāb al-nuzūl*, *khuṣūṣ al-sabab* dan metode kritikan sejarah kemudian digunakan untuk mengkaji semula hukum-hukum Islam seperti hukum pusaka, kepemimpinan wanita di dalam negara dan rumah tangga, imam solat, had aurat, aqīqah, kesaksian wanita, air kencing bayi lelaki dan wanita, isu-isu perkahwinan yang mengandungi masalah kewalian, mahar, hak talak, tempoh 'iddah, poligami, kahwin dengan lelaki bukan muslim, menyokong homoseksualiti dan seumpamanya.

Sokongan ke atas homoseksualiti dalam perkembangan wacana kesetaraan gender menerusi pandangan para aktivisnya, diasaskan kepada isu pembebasan wanita. Sebab, apabila perjuangan kaum lesbian diletakkan di luar pergerakan pembebasan kaum

¹⁸ *ibid*, 286. Nasaruddin Umar juga menyatakan bahawa di antara metode-metode yang terkait dengan penelitiannya ini adalah analisis sejarah. Metode ini dia maksudkan untuk memahami kondisi objektif bangsa Arab menjelang dan ketika al-Qur'an diturunkan. Lihat *Argumen Kesetaraan Gender: Perspektif al-Qur'an*, 30-31

¹⁹ *ibid*, 8

²⁰ *ibid*, 306

²¹ *ibid*, 307. Contoh lain dalam menguatkan teori ini, Nasaruddin menjelaskan: "Sebetulnya semua ayat-ayat hukum tentang perempuan, sejauh yang saya kenali punya sebab nuzul. Artinya semua punya *historical background*. Dalam hal ini berlaku pertanyaan: mana yang harus dijadikan pegangan, apakah sebuah teks atau *historical background*-nya? Ada yang mengatakan *al-'ibrah bi 'umūmi al-lafz lā bi khuṣūṣ al-sabab*, yang dipegang adalah universalitas teks, bukan partikularitas sebab. Tapi ada juga pendapat lain. Al-Syatibi mengatakan, *al-'ibrah bi maqāṣid al-sharī'ah*, yang harus dijadikan pegangan adalah apa yang menjadi tujuan dari syari'ah". Lihat: *Semua Kitab Suci Bias Gender!* 26-4-04, www.islamlib.com

wanita, maka ia akan kehilangan asas ideologisnya. Dan perjuangan pembebasan wanita yang mengabaikan perjuangan lesbian adalah palsu. Kerana seorang pejuang hak asasi wanita sememangnya wajib mencintai wanita yang diperjuangkannya itu.²² Sedangkan berkenaan dengan hukum halalnya homoseksualiti, menerusi pendapat sekumpulan mahasiswa fakulti Syariah IAIN Semarang, kerana bahawa projek Tuhan menciptakan manusia sudah berjaya bahkan telah melebihi pencapaian targetnya, sebagaimana dihuraikan berikut:

“Hanya orang primitif saja yang melihat perkawinan sejenis sebagai sesuatu yang abnormal dan berbahaya. Bagi kami, tiada alasan kuat bagi siapapun dengan dalih apapun, untuk melarang perkawinan sejenis. Sebab, Tuhan pun sudah maklum, bahawa proyeknya menciptakan manusia sudah berhasil bahkan keablasan.²³

Wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di pelbagai universiti Islam di Indonesia berkembang cukup pesat. Pengajian Islam yang berkenaan dengan masalah wanita dibahas semula dengan perspektif gender. Perbincangan ini semakin hangat apabila pengajian gender seringkali menghasilkan kesimpulan yang bercanggah dengan hukum Islām dan ijtihād para *fuqahā* dan *mufasssirīn*. Hal ini disebabkan metode yang digunakan feminis dalam pengajian Islām berbeza dengan metode para ulama dalam memahami tanzīl. Di samping itu, perbezaan tentang pemaknaan terhadap keadilan, nilai-nilai kemodenan dan worldview of Islam, khasnya mengenai konsep *thawābit-mutaghayyirāt* dan *qat'iyyāt-ẓanniyāt* cenderung menghasilkan kesimpulan yang kontroversial terhadap hukum-hukum Islām.

Oleh itu, penulis memandang bahawa perbahasan tentang cabaran ke atas pemikiran Islam yang dihasilkan daripada penyelidikan tokoh-tokoh gender dan

²² Ester Mariani Ga, "Lesbian dalam Penafsiran Agama", dalam *Jurnal Perempuan*, bilangan 58, Jakarta, 2008, 39

²³ M. Kholidul Adib Ach, et. al, *Indahnya Kawin Sesama Jenis: Demokratisasi dan Perlindungan Hak-hak Kaum Homoseksual*, (Semarang:Lembaga Studi Sosial dan Agama/eLSA, 2005)

penyokongnya di institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia merupakan salah satu permasalahan utama dalam pengajian Islam semasa yang memerlukan jawapan, khasnya daripada kalangan sarjana Muslim. Hal ini kerana pengajian Islam yang berasaskan kepada konsep *tanzīl* dan menumpukan perbahasannya kepada metode yang selari dengannya, didekonstruksi dengan menggunakan pendekatan dan perspektif ilmu-ilmu sosial yang tunduk kepada perubahan zaman, tempat dan kepentingan. Maka dipilihnya tajuk tesis ini, secara ringkasnya dilatarbelakangi oleh beberapa alasan dan motif sebagai berikut:

1. Melemahnya rasa percaya diri daripada sebahagian kalangan sarjana muslim Indonesia kepada khazanah Islam (*turāth*) khasnya dalam wacana kesetaraan gender sebagai pengaruh daripada hasil pengajian orientalis dan modenis di bidang ini.
2. Ramainya tokoh-tokoh pemikir muslim Indonesia yang lebih tertarik menerapkan metodologi dan pemikiran Barat ke dalam pengajian Islam. Bahkan, khazanah intelektual Barat tersebut menjadi kurikulum pengajaran wajib di beberapa universiti Islam di Indonesia tanpa kritikan dan pertimbangan yang logik. Sehingga hampir semua metode penyelidikan dan pemikiran yang berasal daripada Barat diyakini sebagai aksiom-aksiom ilmiah (*al-musallamāt al-'ilmiyyah*) yang tidak berpihak, wajib diyakini dan bebas daripada kesilapan.
3. Sebagai rasa tanggung jawab intelektual, dan khidmat kepada ilmu dan agama ke atas pelbagai penyimpangan tafsiran yang dihasilkan daripada fahaman-fahaman moden yang sekular dan empirik ke atas ajaran Islam.

4. Memberikan jawapan kepada pelbagai kritikan dan keraguan yang muncul daripada fahaman kesetaraan gender ke atas pemikiran dan khazanah Islam, khasnya berkenaan dengan shari'ah, tafsir dan konsep tanzil. Selanjutnya kritikan-kritikan tersebut dihuraikan berasaskan tabiat penyimpangan-penyimpangan tersebut bagi mengenali yang baru atau yang hanya bersifat pengulangan daripada pendahulunya.

1.2. Pengertian tajuk

Penyelidikan ini bertajuk "*Wacana Kesetaraan Gender dalam Pemikiran Islam di Pengajian Tinggi Islam Negeri di Indonesia: Kajian Kes UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta*". Dalam tajuk tersebut pengkaji akan menyelidik perkembangan wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam yang berlangsung di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Maksud istilah "wacana" (*discourse*) iaitu sekumpulan ayat yg memperlihatkan satu kesatuan buah fikiran, fakta atau cerita. Ia juga bererti kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan (pidato, khutbah) atau tulisan (seperti surat, artikel, novel, cerpen).²⁴

Erti "gender" yang dimaksud di sini ialah sifat-sifat perilaku, budaya atau kejiwaan yang secara khas dihubungkan dengan jenis jantina.²⁵ Berkenaan dengan sejarah dan budaya manusia, erti gender iaitu suatu proses aktif dari berlakunya kategori sosial dalam konteks sejarah dan budaya.²⁶ Maka gender merupakan pemaknaan sosial yang diberikan kepada lelaki dan wanita. Setiap masyarakat menekankan peranan

²⁴ Pusat Rujukan Persuratan Melayu, laman sesawang PRPM, dicapai 25/5/2016, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=wacana>

²⁵ Merriam Webster's Dictionary and Thesaurus, Encyclopædia Britannica 2007 Ultimate Reference Suite

²⁶ Etin Anwar, *Gender and Self in Islam*, (New York: Routledge, 2006), 29

tertentu yang harus dimainkan oleh setiap jantina, meskipun ada ruang dalam perilaku yang boleh diterima oleh tiap-tiap gender.²⁷ Oleh itu, kesetaraan gender adalah pandangan yang menolak sebarang aturan dan nilai yang membeza-bezakan antara jantina lelaki dan wanita, sama ada dalam peranan, perilaku, mental mahupun kondisi kejiwaannya.

Makna "Pemikiran Islam" iaitu hasil penalaran akli (*al-ta'ammul al-'aqli*) yang berpunca daripada sudut pandang Islam secara umum terhadap segala kewujudan (alam semesta), dan selaras dengan nilai, *standard*, dan maksud ajaran Islam. Sebagai hasil penalaran akal, maka pemikiran Islam merupakan ijihad manusia yang bersandarkan kepada prinsip-prinsip dasar Islam, tetapi ia boleh jadi betul ataupun tersilap (*al-khaṭa' wa l-ṣawāb*). Jikalau hasil penalaran tersebut tidak bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, maka itu adalah kesilapan dalam memahami dan menyimpulkan prinsip-prinsip Islam, dan oleh itu perlu dievaluasi semula. Evaluasi dilakukan dengan cara menganalisis mekanisma dasar-dasar pengeluaran hukum (*uṣūl al-istinbāt*) yang mengandungi kaedah memahami teks (*fahmu al-nuṣūṣ*), dan hendaklah selari dengan kaedah bahasa Arab, logik dan objektif shari'ah (*manṭiq al-sharī'ah wa maqāṣiduhā*) dengan berpegang kepada *uṣūl al-fiqh* dan *uṣūl al-ta'wīl*, dan tidak sekadar berhenti kepada makna harfiah teks sehingga terkadang boleh bercanggah dengan objektif shari'ah.²⁸

Manakala "institusi pengajian tinggi" ialah institusi pendidikan di peringkat universiti. "UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta" adalah sebuah universiti Islam yang dipunyai kerajaan dan terletak di daerah istimewa (*special district*) Yogyakarta, berhampiran dengan Jawa Tengah. Ia diasaskan pada tahun 1951 dengan nama

²⁷ S. Hesse-Biber & G. L. Carger, *Working women in America: Split dreams*, (New York: Oxford University Press, 2000), 91

²⁸ Farḥāt, Aḥmad Ḥasan, "Muṣṭalaḥ al-Fikr al-Islāmī", (Makalah, Seminar "al-Dirāsah al-Muṣṭalaḥiyah wa l-'Ulūm al-Islāmiyyah", Ma'had al-Dirāsāt al-Muṣṭalaḥiyah, Kuliyyah al-Ādāb Ḍahr al-Mehrāz, 1996), ii: 693

Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN). Pada tahun 1960, PTAIN berganti nama menjadi IAIN (Institut Agama Islam Negeri). Semenjak 1 Julai 1965, IAIN Yogyakarta diberi nama Sunan Kalijaga, dan berdasarkan Keputusan Presiden Nomor 50 Tahun 2004 Tanggal 21 Juni 2004, secara rasmi IAIN berubah berganti nama menjadi Universitas Islam Negeri (UIN).²⁹

Dipilihnya Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta sebagai kajian kes dalam tesis ini, kerana ia merupakan salah satu universiti Islam yang paling aktif dan giat mempromosikan pengajian Islam berlandaskan gender berbanding universiti-universiti Islam lainnya di Indonesia. Pesatnya pengajian wacana kesetaraan gender yang dipromosi oleh Pusat Studi Wanita (PSW) dan lembaga lainnya di universiti ini dapat dilihat daripada banyaknya tajuk-tajuk penyelidikan mahasiswa dan pensyarah tentang isu-isu gender dalam pengajian Islam.

Perbincangan wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di peringkat universiti sangat menarik untuk dikaji. Ini kerana ia merupakan cabaran baharu ke atas kesatuan pemikiran Islam (*waḥdah al-fikr al-Islāmī*). Oleh itu, tesis ini akan memperbincangkan perkembangan wacana kesetaraan gender di peringkat universiti Islam di Indonesia yang berkenaan dengan pengajian Islam.

1.3. Soalan Kajian

Perbincangan dalam tesis ini akan ditumpukan kepada beberapa soalan sepertimana berikut:

²⁹ Susilaningsih dan Agus M. Najib, ed., *Kesetaraan Gender di Perguruan Tinggi Islam: Baseline and Institutional Analysis for Gender Mainstreaming in IAIN Sunan Kalijaga*, (Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga & McGill-IISEP, 2004), 56-60

1. Bilakah awal munculnya wacana kesetaraan gender di Indonesia umumnya, dan di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Indonesia?
2. Bagaimana wacana kesetaraan gender berlangsung di UIN Yogyakarta?
3. Apa sajakah isu-isu terpilih kesetaraan gender yang dikembangkan dalam pemikiran Islam di UIN Yogyakarta?

1.4. Objektif kajian

Objektif utama kajian ini berupaya untuk mendapatkan maklumat sebagaimana berikut:

1. Mengkaji sejarah kemunculan wacana kesetaraan gender di Indonesia umumnya, dan di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Indonesia.
2. Mengenal pasti bagaimana wacana kesetaraan gender berlangsung di UIN Yogyakarta.
3. Menganalisis isu-isu terpilih kesetaraan gender yang dikembangkan dalam pemikiran Islam di UIN Yogyakarta.

1.5. Skop kajian

Berasaskan kepada huraian di atas, maka kajian ini memberikan tumpuan kepada wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam. Tesis ini mengandungi kajian tentang

sejarah kemasukan, metode analisis gender, dan isu-isu gender yang disepadukan ke dalam pemikiran Islam di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Penulis akan menghadkan kepada empat isu, iaitu poligami, pusaka, kesaksian wanita, dan kesihatan reproduksi beserta kritikan-kritikan terpenting yang dihasilkannya. Kemudian disusuli dengan analisis terhadap kritikan yang dihasilkan wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam.

Analisis akan dibuat berasaskan penelitian ilmiah terhadap buku-buku, jurnal universiti, tugas penulisan akhir (tesis) mahasiswa dan aktiviti akademik yang berkenaan dengan isu gender di universiti tersebut. Pandangan tentang wacana gender dalam pemikiran Islam yang menjadi kajian penulis hanyalah yang berkenaan dengan pemikiran Islam, sama ada yang berkenaan dengan metode pentafsiran ke atas al-Qur'ān dan al-Ḥadīth, ataupun hasil pemikiran mereka yang berkenaan dengan sharī'ah dan fiqh. Kajian ini dilanjutkan dengan analisis kritis ke atas metode dan pendekatan kesetaraan gender terhadap pengajian Islam dan disusuli rangkuman ke atas perkembangan wacana pengajian gender dalam pemikiran Islam di universiti tersebut. Kritikan dan analisis dibuat dengan berpandukan ajaran Islam aseli (Ahli Sunnah wal Jama'ah) yang digali daripada makna-makna ayat dan hadith yang berhubung dengan isu-isu kesetaraan gender.

Ringkasnya, tesis ini akan memperbahas sejarah kemasukan, proses integrasi dan isu-isu wacana kesetaraan gender dalam pengajian Islam di Universitas Islam Negeri Yogyakarta.

1.6. Kepentingan kajian

Kajian dalam tesis ini secara ringkasnya adalah untuk mencapai beberapa kepentingan seperti berikut:

1. Diharapkan agar para pakar akademik dan sarjana Islam di Malaysia lebih memahami perkembangan semasa tentang wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di Indonesia, dan kesannya terhadap pengajian Islam.
2. Diharapkan agar tesis ini boleh memberi sumbangan maklumat bagi para tokoh umat Islam di Malaysia dan di rantau Melayu awamnya, sama ada yang berkhidmat di dalam organisasi-organisasi agama, politik dan birokrasi mahupun organisasi masyarakat, tentang hal ehwal yang berkenaan dengan cabaran wacana kesetaraan gender ke atas konsep kesatuan pemikiran Islam. Dengan demikian diharapkan tesis ini boleh menjadi pertimbangan bagi Kerajaan Malaysia untuk membuat polisi negara dalam memperkukuhkan kefahaman terhadap isu-isu berkaitan dengan wanita Islam berlandaskan ajaran Islam aseli (Ahli Sunnah wal Jama'ah).
3. Diharapkan agar pentadbir dan kakitangan akademik, khususnya di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, dan amnya di pelbagai universiti Islam di rantau Melayu, untuk mempertimbangkan semula perspektif gender sebagai pendekatan dan metode dalam pengajian Islam dan menempatkannya pada tempatnya yang tepat.

4. Diharapkan agar tesis ini boleh memberikan sumbangan maklumat positif dalam ilmu pengetahuan, khasnya dalam bidang pengajian akidah dan pemikiran Islam, dan dijadikan khazanah keilmuan di Universiti Malaya.

1.7. Sorotan terhadap kajian terdahulu

Setakat maklumat yang diperolehi penulis di bidang kajian gender dan Islam, belum ditemui seseorang penyelidik yang memperbahaskan tajuk yang akan ditulis dalam tesis ini sebelumnya. Namun demikian, penulis menemui beberapa bahagian kajian yang berkenaan dengan wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam. Di antara tulisan atau buku yang memperbahaskan permasalahan yang berhubungkait dengan tesis penulis adalah sebagai berikut:

Buku *Kesetaraan Gender di Perguruan Tinggi Islam: Baseline and Institutional Analysis for Gender Mainstreaming in IAIN Sunan Kalijaga*, merupakan hasil kerjasama antara UIN Sunan Kalijaga dan McGill-IISEP yang bermatlamat untuk mendapatkan huraian tentang kondisi UIN Sunan Kalijaga daripada perspektif gender. Hasil penyelidikan dalam buku ini dimaksudkan untuk menjadi asas bagi penggubalan strategi pengarusperdanaan gender (*gender mainstreaming*) di universiti ini. Pada amnya, buku ini menghuraikan pelbagai faktor dan potensi yang dipunyai UIN Sunan Kalijaga menyokong proses pengarusperdanaan gender dalam bidang akademik dan budaya di lingkungan kampus UIN Yogyakarta sehingga boleh menjadi model bagi mana-mana universiti Islam di Indonesia yang akan menerapkan kesetaraan gender. Di samping itu, buku ini juga menjelaskan beberapa halangan, di antaranya adalah faktor birokrasi yang kurang adil gender dan disusuli dengan beberapa saranan untuk mengatasinya. Buku ini digunakan sebagai salah satu data utama dalam menganalisis

sejarah perkembangan dan proses berlangsungnya wacana gender di UIN Yogyakarta. Kritikan terhadap wacana kesetaraan gender dalam pengajian Islam belum banyak diperbahaskan dalam buku ini, sehingga menjadi salah satu bidang kajian yang akan dibincangkan oleh penulis dalam penyelidikannya.³⁰

Membina Keluarga Mawaddah wa Rahmah dalam Bingkai Sunah Nabi, adalah buku yang diterbitkan PSW IAIN Sunan Kalijaga dan The Ford Foundation. Buku ini lebih menekankan pembacaan hadīth dalam perspektif feminis, khususnya keseimbangan peranan antara lelaki dan wanita. Metode pemaknaan hadīth berlandaskan gender menumpukan pada perawi wanita, kritikan sanad dan matan, pemahaman teks (*ma'ani l-hadīth*) dengan analisis bahasa dan konteks kesejarahan, serta pemahaman yang sesuai dengan konteks semasa dengan menggunakan pedoman kesetaraan gender. Buku ini merupakan data yang akan dirujuk penulis untuk menghuraikan metode feminis terhadap teks-teks hadith yang dianggap membenci wanita (*misogyny*) dalam bab tiga.³¹

Waryono Abdul Ghafur dan Rahmat Hidayat dalam bukunya, *Impact Study on Gender Mainstreaming PSW UIN Sunan Kalijaga*, menghuraikan hasil pengarusperdanaan gender di bidang aktiviti-aktiviti akademik, seperti *workshop*, seminar, penyelidikan dan penerbitan. Aktiviti-aktiviti berlandaskan gender ini dilaksanakan atas kerjasama antara PSW UIN Sunan Kalijaga, Kementerian Pemberdayaan Perempuan, Departemen Pendidikan Nasional dan lembaga-lembaga daripada luar negara (Ford Foundation, DANIDA, The Asia Foundation dan LAPIS-Australia). Buku yang ditaja oleh IISEP McGill-CIDA banyak menghuraikan data-data yang dihasilkan daripada kerjasama dengan lembaga-lembaga luar negara di bidang isu-

³⁰ Susilaningsih dan Agus M. Najib, ed., *Kesetaraan Gender di Perguruan Tinggi Islam: Baseline and Institutional Analysis for Gender Mainstreaming in IAIN Sunan Kalijaga*, (Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga & McGill-IISEP, 2004)

³¹ Marhumah dan M. Alfatih Suryadilaga, ed., *Membina Keluarga Mawaddah wa Rahmah dalam Bingkai Sunah Nabi*, (Yogyakarta: PSW IAIN Sunan Kalijaga-The Ford Foundation, 2003)

isu gender dalam pengajian Islam. Namun buku ini tidak mengkaji secara khusus tentang isu-isu gender dalam pemikiran Islam.³²

Buku *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender dalam Islam*, yang disusun Siti Ruhaini Dzuhayatin dan kumpulan penulis feminis ini banyak menghuraikan perspektif feminis dan liberal ke atas pengajian al-Qur'an dan al-Hadith, sama ada daripada sisi metode, mahupun tafsiran-tafsiran yang menghasilkan pembakuan hukum dalam Islam. Buku ini sebenarnya merupakan projek kerjasama antara PSW UIN Yogyakarta dan McGill-ICIHEP, dan merupakan himpunan tulisan beberapa penyelidik untuk menyokong tercapainya pengarusperdanaan gender dalam metode pengajian Islam. Dengan demikian, buku ini adalah salah satu pencapaian PSW UIN Sunan Kalijaga dalam merumuskan corak metodologi feminis untuk memaknai semula teks-teks tanzil yang adil gender. Oleh itu, penulis akan menggunakan hasil kajian dalam buku ini untuk menguji darjah konsistensi antara metodologi feminis dan wacana baru yang dihasilkannya.³³

Telaah Ulang Wacana Seksualitas, adalah himpunan tulisan pensyarah dan akademisi UIN Sunan Kalijaga yang diklasifikasikan ke dalam tiga bahagian, iaitu: 1) khitan wanita dalam pelbagai perspektif, 2) haid dan 'iddah, 3) wanita sebagai pihak yang dirugikan dalam perkahwinan dan isu perogolan dalam ikatan perkahwinan (*marital rape*). Matlamat perbincangan isu-isu gender dalam buku yang ditaja oleh McGill-IISEP-CIDA ini adalah untuk mbingkai semula fahaman keagamaan yang diproduksi oleh ulama klasik yang melegitimasi diskriminasi wanita.³⁴

³² Waryono Abdul Ghafur, et. al., *Impact Study on Gender Mainstreaming PSW UIN Sunan Kalijaga*, (Yogyakarta: PSW UIN Sunan Kalijaga dan IISEP McGill-CIDA, 2006)

³³ Siti Ruhaini Dzuhayatin, et. al. *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender dalam Islam*, (Yogyakarta: PSW IAIN Sunan Kalijaga dan McGill-ICIHEP, 2002)

³⁴ Mochamad Sodik, ed., *Telaah ulang wacana seksualitas*, (Yogyakarta: PSW Sunan Kalijaga dan CIDA, 2004)

Women in Indonesian Society: Access, Empowerment and Opportunity, adalah buku yang diterbitkan UIN Sunan Kalijaga daripada himpunan kertas kerja untuk seminar antarabangsa di Jakarta pada tahun 1997, dan mengandungi isu-isu tentang wanita yang berhubungan dengan undang-undang, kepemimpinan, dan peranan di ruang awam. Perbincangan isu-isu tentang peranan wanita di ruang awam yang ditulis oleh pensyarah UIN Sunan Kalijaga dalam buku ini akan menjadi salah satu rujukan untuk menghuraikan perkembangan wacana gender di universiti tersebut pada tahun 1990an.³⁵

Keadilan & Kestaraan Jender: Perspektif Islam; buku yang disunting oleh Siti Musdah Mulia dan Marzani Anwar ini menghuraikan dasar-dasar ajaran Islam seperti tauhid, konsep manusia, keadilan, dan keadilan dalam perspektif gender. Di samping itu perbincangkan juga isu tentang realiti ketidakadilan wanita di Indonesia. Perbincangan tentang prinsip ajaran Islam berlandaskan gender dalam buku ini mempunyai kedudukan sangat penting, kerana ia diterbitkan oleh Departemen Agama RI sebagai jawapan terhadap polisi pengarusperdanaan gender dalam pembangunan nasional. Oleh itu, penerbitan buku ini dimaksudkan untuk menjadi salah satu arahan penentu polisi dalam melaksanakan program-program yang ada di lingkungan Departemen Agama, termasuklah institusi pengajian tinggi.³⁶

Gender dan Islam: Teks dan Konteks merupakan buku daripada himpunan makalah yang diterbitkan hasil projek kerjasama antara PSW UIN Sunan Kalijaga dan The Asia Foundation. Buku ini menghuraikan justifikasi teologi terhadap ideologi gender, dan mengkritik teks-teks hadīth dan kitab-kitab fiqh yang membatasi peranan awam wanita. Perbincangan dalam buku ini akan digunakan penulis untuk menghuraikan

³⁵ M. Atho Mudzhar, et.al., *Women in Indonesian Society : Access, Empowerment and Opportunity*, (Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2002)

³⁶ Siti Musdah Mulia, *Keadilan & Kestaraan Gender: Perspektif Islam*, (Jakarta: LKAJ, 2003)

dan menganalisis idea-idea feminis di UIN Sunan Kalijaga dalam menyikapi teks-teks wahyu yang bercanggah dengan fahaman gender.³⁷

Waryono Abdul Ghafur, M.Ag dan Drs. Muh. Isnanto, M.Si., menerusi buku bertajuk: *Isu-Isu Gender Dalam Kurikulum Pendidikan Dasar & Menengah* yang beliau sunting, membahas buku-buku pelajaran agama, khususnya Fiqh, Tafsir dan Hadith yang diajarkan di pelbagai sekolah peringkat rendah sehingga menengah. Buku yang diterbitkan dengan kerjasama antara PSW UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta dan McGill IISEP Jakarta ini merupakan salah sebuah upaya untuk menghilangkan anasir-anasir patriarkisme menerusi kurikulum pendidikan. Buku ini juga menghuraikan ketidakadilan gender yang wujud dalam buku-buku pelajaran Fiqh, Tafsir dan Hadith di peringkat pendidikan rendah sehingga menengah. Isu-isu yang diangkat sebagai bentuk benih-benih penindasan terhadap wanita di antaranya iaitu wujudnya gambar kanak-kanak yang sedang mengerjakan *tahārah*, solat berjama'ah, *adhān*, *iqāmah*, puasa, tadarrus al-Qur'an, imam, aktiviti membangun masjid, menyembelih haiwan kurban dan seumpamanya adalah lelaki. Di samping itu, buku ini juga menghuraikan kritikan terhadap perbezaan lelaki dan wanita di dalam gerakan solat, pakaian *ihrām*, kurangnya ditampilkan perawi hadith daripada kalangan wanita, dan seumpamanya. Metode perbahasan yang digunakan di dalam buku ini iaitu analisis gender dan tafsir hermeneutika. Buku ini boleh menjadi potret awal perjuangan muslim feminis di Indonesia menerusi kurikulum. Kajian dalam buku ini hanya merupakan salah satu aspek daripada penyelidikan wacana kesetaraan gender yang akan dilakukan penulis. Ini kerana ia terhad kepada kritikan terhadap buku-buku di peringkat pendidikan dasar dan menengah.³⁸

³⁷ Waryono dan Muh. Isnanto, ed., *Gender dan Islam: Teks dan Konteks*, (Yogyakarta: PSW UIN Sunan Kalijaga dan The Asia Foundation, 2009)

³⁸ Waryono Abdul Ghafur dan Muh Isnanto, ed., *Isu-isu gender dalam Kurikulum Pendidikan Dasar & Menengah*, (Yogyakarta: PSW UIN Sunan Kalijaga dan IISEP, 2004)

Islam dan Konstruksi Seksualitas, buku ini awalnya merupakan himpunan kertas kerja dalam seminar Nasional yang bertajuk: "Islam, Seksualitas dan Kekerasan terhadap Perempuan", anjuran PSW IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta yang bekerjasama dengan Ford Foundation, 26-29 Juli 2000. Buku ini menghuraikan pelbagai realiti sosial dan tafsiran agama berkenaan dengan wujudnya diskriminasi dan keganasan terhadap wanita. Kajian tentang wacana keseksamaan gender yang berkaitan dengan pemikiran Islam dalam buku ini bukan kajian yang dominan. Di sisi lain, perbezaan buku ini dengan kajian yang dilakukan penulis iaitu bahawa setelah penulis mengkaji wacana kesetaraan gender dan hubungannya dengan perkembangan pemikiran Islam di Indonesia, khususnya di dalam peringkat pendidikan tinggi Islam, kemudian penulis menganalisis pelbagai anasir yang berkenaan dengannya.³⁹

Dekonstruksi Gender: Kritik Wacana Perempuan dalam Islam, merupakan buku terjemahan daripada karya Naṣr Ḥāmid Abū Zayd, *Dawr al-Khawf: Qirā'āt fī l-Khiṭāb al-Mar'ah*. Buku yang diterbitkan oleh McGill, PSW UIN Sunan Kalijaga, dan Institut Studi Agama, Masyarakat dan HAM (SAMHA) ini membincangkan pelbagai isu penting dalam wacana feminisme seorang muslim. Di antara isu-isu yang diuraikan iaitu wanita dalam wacana krisis, hak-hak wanita dalam Islam yang dirampas tradisi dan interpretasi, wanita dan undang-undang keluarga, dan lain-lain.⁴⁰

Nasaruddin Umar, menulis buku bertajuk: *Argumen Kesetaraan Jender: Perspektif al-Qur'an*. Buku ini awalnya adalah tesis Ph.D beliau di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta (sekarang dikenali dengan UIN). Beliau menghuraikan kritikan ke

³⁹ S. Edy Santosa, ed., *Islam dan Konstruksi Seksualitas*, (Yogyakarta: PSW IAIN Yogyakarta dan The Ford Foundation, 2002)

⁴⁰ Nasr Hamid Abu Zayd, *Dekonstruksi Gender: Kritik Wacana Perempuan dalam Islam*, terj. Moch. Nur Ichwan; Moch. Syamsul Hadi (Yogyakarta: Samha, PSW IAIN Sunan Kalijaga dan McGill, 2003)

atas pelbagai metode dan pendekatan dalam pemahaman teks keagamaan, seperti tafsir, 'Ulūm al-Qur'ān dan fiqh yang bercorak patriarkhal. Metode dan pendekatan dalam pemahaman nas al-Qur'an dan al-Hadith yang wujud setakat ini didakwa turut memberi sokongan bagi munculnya ketidakadilan gender. Beliau mencadangkan perlunya metode dan pendekatan baharu di dalam memahami teks-teks tanzil, seperti metode kritikan sejarah dan tafsir hermeneutik. Kajian buku ini tidak membincangkan pendapat-pendapat ulama klasik yang bercanggah dengan fahaman kesetaraan gender. Di samping itu, kajian beliau hanya terhad kepada masalah metode dan pendekatan yang berasaskan keadilan gender dalam penafsiran agama. Ia juga tidak membincangkan perkembangan wacana kesetaraan gender di peringkat universiti Islam di Indonesia. Maka dengan demikian kajian tesis penulis berbeza dengan kajian beliau.⁴¹

Tim Penulis Pusat Studi Wanita (PSW) UIN Syarif Hidayatullah Jakarta menerbitkan buku bertajuk: *Pengantar Kajian Gender*. Buku yang diterbitkan atas kerjasama dengan McGill-ICIHEP ini merupakan kumpulan makalah yang menjadi bahan pengajaran kursus gender di peringkat universiti. Buku ini menghuraikan sejarah, konsep dan perkembangan fahaman feminisme, sejarah pergerakan wanita di Indonesia, metode penyelidikan berasaskan gender, analisis gender, dan gender dalam Islam. Perbincangan tajuk-tajuk dalam buku ini nampak terpisah, kurang terpadu dan tidak terjalin dengan baik antara satu dengan lainnya. Di samping itu juga tidak mengkaji hubungan antara wacana kesetaraan gender di Barat dan di dalam pemikiran Islam. Maka tesis yang akan dilakukan penulis berbeza dengan kajian buku ini, apatahlagi ia tidak menyelidiki perkembangan wacana kesetaraan gender di peringkat universiti Islam di Indonesia.⁴²

⁴¹ Nasaruddin Umar, *Argumen Kesetaraan Jender: Perspektif al-Qur'an*, (Jakarta: Paramadina, 2001)

⁴² Tim Penulis Pusat Studi Wanita UIN Syarif Hidayatullah, *Pengantar Kajian Gender*, (Jakarta: PSW UIN Syarif Hidayatullah-IISEP-McGill, 2003)

Dra. Hj. Sri Suhandjati Sukri (editor) menerusi kumpulan makalah yang diterbitkan dalam kedua buku bertajuk: *Bias Jender Dalam Pemahaman Islam* (Jilid I) dan *Pemahaman Islam dan Tantangan Keadilan Jender* (Jilid II) menghuraikan wujudnya ketidakadilan jender di dalam memahami teks-teks keagamaan. Kedua-dua buku ini ditulis oleh para pensyarah IAIN Walisongo Semarang dan UIN Syarif Hidayatullah Jakarta yang merupakan aktivis di dalam Pusat Studi Jender (PSJ). Menerusi metode kritikan sejarah dan hermeneutika, pemahaman ke atas al-Qur'an dan al-Hadith yang dipandang merugikan wanita, didiskusikan semula dalam buku ini. Isu-isu berkenaan dengan hak wanita sebagai wali kahwin, imam solat, pemimpin negara dan rumah tangga, relativiti had aurat wanita, kebolehan wanita pergi tanpa mahram, kesaksian wanita setengah kesaksian lelaki, menolak perbezaan lelaki dan wanita di dalam aqīqah, air kencing bayi dan hak waris dibahas dalam perspektif gender. Walaupun kedua-dua buku ini membahas isu-isu gender dalam pemikiran Islam, namun ia tidak menghuraikan secara detil asas-asas pemikiran gender dan hujah para ulama secara seimbang dan komprehensif.⁴³

Paradigma Tafsir Tekstual & Kontekstual: Usaha Memaknai Kembali Pesan al-Qur'an yang ditulis U. Syafrudin, awalnya adalah disertasi kedoktoran di UIN Sunan Kalijaga yang membincangkan metodologi tafsiran kontekstual, khasnya mengenai konsep Islam, kepelbagaian maknanya dan perbincangan tentang keselamatan agama-agama di luar Islam. Dengan demikian, ia boleh menjadi rujukan penulis untuk menyelidiki metode kontekstual yang digunakan feminis dalam menemukan tafsiran-tafsiran yang berlandaskan gender.⁴⁴

⁴³ Sri Suhandjati Sukri, et. al., *Bias Jender dalam Pemahaman Islam*, (Semarang: Pusat Studi Jender IAIN Walisongo dan Gama Media, 2002)

⁴⁴ U. Syafrudin, *Paradigma Tafsir Tekstual & Kontekstual: Usaha Memaknai Kembali Pesan al-Qur'an*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2009)

Forum Kajian Kitab Kuning (FK3) menerbitkan buku bertajuk *Wajah Baru Relasi Suami-Istri, Tela'ah Kitab 'Uqūd al-Lujjayn* yang ditaja oleh The Ford Foundation. Buku ini menghuraikan kritikan ke atas Kitab "Uqūd al-Lujjayn" yang ditulis oleh Imam Nawawi al-Bantani berkenaan dengan hubungan suami-isteri, masalah-masalah rumah tangga, kewajiban dan hak suami-isteri, ibadah dan tingkah laku wanita. Kajian buku ini hanya terhad kepada kritikan ke atas kitab 'Uqūd al-Lujjayn dan menganalisis hadith-hadith di dalamnya yang mengekalkan kekuasaan lelaki ke atas wanita, kemudian membahasnya dengan pendekatan kontekstual menerusi metode kritikan sejarah. Ia juga tidak membincangkan konsep, epistemologi dan sejarah munculnya kesetaraan gender. Jadi perbezaan kajian buku ini dengan tesis penulis sangat jelas, apatah lagi ia tidak mengkaji perkembangan wacana kesetaraan gender di peringkat universiti Islam di Indonesia.⁴⁵

Mansour Fakih menulis buku bertajuk *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*. Buku ini menghuraikan hakikat analisis gender sebagai alat untuk memahami realiti sosial. Di samping itu, buku ini juga menghuraikan makna dan konsepsi baru tentang praktik hubungan kaum lelaki dan wanita, serta implikasinya terhadap kehidupan sosial yang lebih luas, sama ada politik, ekonomi, budaya atau agama. Penulis boleh memanfaatkan buku ini sebagai pertimbangan bagi memahami analisis gender yang diterapkan oleh muslim feminis ke dalam pendekatan tafsir agama dengan perspektif gender. Perbezaan buku ini dengan tesis penulis adalah bahawa kalau buku ini membahaskan masalah proses perubahan sosial menerusi metode analisis gender dan menempatkan agama sebagai bahagian ilmu sosial yang sentiasa mengalami perubahan.

⁴⁵ Forum Kajian Kitab Kuning (FK3), *Wajah Baru Relasi Suami-Istri: Telaah Kitab 'Uqūd al-Lujjayn*, (Yogyakarta: LKiS, 2001)

Sedangkan tesis penulis lebih menekankan perbahasannya kepada pengaruh kajian gender terhadap pengajian Islam di peringkat universiti.⁴⁶

Dawrah Fiqh Perempuan: Modul Kursus Islam dan Gender, (Cirebon: Fahmina Institute, 2006) merupakan rakaman kursus untuk para aktivis gender senior. Modul ini membincangkan metode tafsir dan fiqh yang berhubungan dengan isu-isu gender, termasuklah cara mentafsirkan al-Qur'an dan memaknai hadith dalam perspektif feminis. Modul ini digunakan untuk latihan kursus gender dan Islam di pelbagai organisasi wanita, termasuklah PSW universiti-universiti Islam.⁴⁷

Modul Pengkaderan Ulama Perempuan: Perspektif Kesetaraan, ed. AD. Eridani. Buku ini bertujuan untuk mengurangi dominasi tafsiran patriarki terhadap agama dan memperbanyak ulama wanita dengan cara pandang wanita. Idea pengkaderan ulama wanita disebabkan ramainya ulama wanita yang mempunyai sudut pandang lelaki, kerana mereka dididik dan tumbuh dalam budaya lelaki. Di samping itu juga disebabkan oleh rasa kurang puas hati terhadap ulama-ulama lelaki yang merumuskan hukum-hukum tentang haid, nifas, dan masalah-masalah fiqh wanita lainnya. Huraian dalam buku ini antara lain menjelaskan metodologi pengajian Islam berlandaskan kesetaraan, membina tafsir dan fiqh dalam perspektif gender, dan lain-lain.⁴⁸

Alimin Mesra et al., *Relasi Gender dan Kesehatan Reproduksi Perempuan: Modul Pelatihan Muballigh dan Muballighat*. Buku ini disusun sebagai panduan kursus untuk *muballigh* dan *muballighat*, dengan matlamat memberikan kesedaran tentang pentingnya memahami semula teks-teks agama dalam perspektif kesetaraan. Dengan

⁴⁶ Mansour Fakih, *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1997)

⁴⁷ Husein Muhammad, et. al., *Dawrah Fiqh Perempuan: Modul Kursus Islam dan Gender*, (Cirebon: Fahmina Institute, 2006)

⁴⁸ AD. Eridani, ed., *Modul Pengkaderan Ulama Perempuan: Perspektif Kesetaraan*, (Jakarta: Rahima, 2011)

demikian, diharapkan setelah mengikuti kursus gender, para *muballigh* dan *muballighat* dapat menyampaikan ceramah keagamaan yang adil gender. Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam buku ini antara lain yaitu hubungan suami-isteri, kesihatan reproduksi, keganasan dalam rumah tangga dan poligami.⁴⁹

Nina Nurmila, *Modul Studi Islam dan Jender: Pedoman Mata Kuliah Studi Islam dan Jender pada Sekolah Pascasarjana UIN Jakarta*. Modul ini pada asasnya menghuraikan tafsiran dan pandangan keislaman yang ramah terhadap wanita, serta akomodatif terhadap nilai-nilai kemanusiaan. Di samping itu, modul ini juga mengajak mahasiswa untuk berfikir kritis dan rasional, kemudian berani melihat realiti empirik dalam masyarakat yang berhubungan dengan keadilan gender. Berfikir kritis dan rasional yang dimaksud iaitu memahami al-Qur'an secara kontekstual sesuai dengan konteks budaya masyarakat Arab saat menerima wahyu pada abad ke-7. Modul ini dilengkapi dengan contoh-contoh bahan bacaan tentang metodologi feminis, tafsiran QS. Al-Nisa: 34, dan konsep kesetaraan jantina.⁵⁰

Muhammad Shaḥrūr menulis buku bertajuk *Naḥwa Uṣūlin Jadīdatin li l-Fiqh al-Islāmī: Fiqh al-Mar'ah (al-Waṣīyah – al-irth – al-Qawāmah – al-Ta'addudiyah – al-Libās)*. Dalam buku ini beliau menghuraikan asas-asas baharu bagi fiqh wanita menerusi fahaman evolusi tanzil. Di samping itu, ayat-ayat dan hadith yang memperbincangkan masalah wasiat, pusaka, poligami, aurat dan kepemimpinan wanita dikaji semula dengan perspektif posmoden dan strukturalisme. Perbincangan tentang wujudnya pertindihan antara kesejarahan teks tanzil dan kondisi tempatan masyarakat Arab yang melatarbelakanginya dengan perkembangan ilmu sains moden dan kondisi masyarakat

⁴⁹ Alimin Mesra et al., *Relasi Gender dan Kesehatan Reproduksi Perempuan: Modul Pelatihan Muballigh dan Muballighat*, (Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah dan British Embassy, 2006)

⁵⁰ Nina Nurmila, *Modul Studi Islam dan Jender: Pedoman Mata Kuliah Studi Islam dan Jender pada Sekolah Pascasarjana UIN Jakarta*, (Jakarta: PSW UIN Jakarta, Sekolah Pascasarjana dan British Embassy, 2008)

di pelbagai belahan dunia saat ini menjadi hujah utama bagi mengganti fiqh yang telah wujud. Pemikiran beliau ini menjadi salah satu rujukan penting bagi aktivis gender dalam kalangan ahli akademik Indonesia dan dikenali dengan "teori batas". Kajian buku ini hanya terhad kepada 5 isu kesetaraan gender, di samping itu ia juga tidak membahas perkembangan awal wacana kesetaraan gender di dunia Arab, apatah lagi perkembangannya di Indonesia.⁵¹

Naṣr Ḥāmid Abū Zayd, menulis buku bertajuk *al-Mar'ah fī Khitāb al-Azmah*. Buku ini mengkaji aspek-aspek yang menyebabkan berlakunya ketidakadilan ke atas wanita, seperti mitos (*uṣṭūrah*) penciptaan Ḥawā, antropologi bahasa dan ketempangan dalam pemahaman agama. Perkembangan wacana kesetaraan gender yang menjadi contoh kajian dalam buku ini hanya terhad di kawasan Tunisia dan perbahasannya pun lebih banyak diasaskan pada unsur bahasa yang merupakan bidang kepakaran pengarangnya. Buku ini juga tidak mengkaji secara detil masalah kesetaraan gender, epistemologi dan sejarah perkembangannya di dunia Barat sehingga masuk ke dalam ranah pemikiran Islam. Oleh itu, kajian buku ini sangat berbeza dengan tesis penulis, apalagi ia tidak membahas perkembangannya di Indonesia.⁵²

Leila Ahmed menulis buku "Women and Gender in Islam: Historical Roots of a Modern Debate" yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia bertajuk *Wanita dan Gender dalam Islam: Akar-akar Historis Perdebatan Modern*. Menerusi bukunya ini, Leila menghuraikan tentang akar-akar sejarah yang menjadi perdebatan sehingga kini berkenaan pandangan Islam ke atas wanita. Perbahasan buku ini dimulai daripada kondisi kawasan Timur Tengah sebelum Islam, zaman kedatangan Islam dan penghargaannya ke atas wanita, masalah penafsiran dan kejumudan Islam abad

⁵¹ Muḥammad Shaḥrūr, *Naḥwa Uṣūlin Jadīdatin li l-Fiqh al-Islāmī: Fiqh al-Mar'ah (al-Waṣīyah – al-irth – al-Qawāmah – al-Ta'addudiyah – al-Libās)*, (Damshik: al-Ahālī, 2000)

⁵² Abū Zayd, Naṣr Ḥāmid, *al-Mar'ah fī Khitābi l-Azmah*, (Kaherah: Dār al-Nuṣūṣ, t.t.)

pertengahan, sehinggalah munculnya wacana perubahan sosial dan intelektual berkenaan dengan hak dan kebebasan wanita. Wacana kesetaraan gender yang dibincangkan dalam buku ini hanya terhad pada masalah penafsiran, hijab dan perkahwinan di kawasan Timur Tengah. Dengan demikian kajian buku ini berbeza dengan tesis penulis.⁵³

Fatima Mernissi menerusi bukunya yang bertajuk: *Pemberontakan Wanita! Peran Intelektual Kaum Wanita Dalam Sejarah Muslim* menghuraikan fenomena ketidakadilan sosial dan budaya yang berlaku ke atas wanita di negara-negara muslim. Buku yang asalnya bertajuk: "Women's Rebellion & Islamic Memory" ini lebih banyak mengkaji isu-isu fiqh, masalah kesihatan, politik dan peranan sosial yang dipandang merugikan wanita. Untuk menyokong pelbagai kritiknya terhadap ketidakadilan gender, beliau menghuraikan kisah-kisah *heroic* para wanita semenjak zaman sahabat dan peranan sosial mereka. Walaupun sebahagian isu gender yang beliau bincang berkenaan dengan isu pemikiran Islam, namun beliau tidak membabitkan perkembangan wacana ini di Indonesia, khasnya di peringkat universiti Islam. Di samping itu, kajian buku ini lebih menekankan kepada perspektif gender dalam mentafsirkan dialog antara agama dan realiti sosial daripada perbincangan ilmiah tentang kaedah-kaedah penafsiran agama dan perkembangan wacana gender itu sendiri. Oleh itu, perbezaan tesis penulis dengan kajian buku ini sangat jelas.⁵⁴

Haideh Moghissi menulis buku bertajuk: *Feminisme dan Fundamentalisme Islam*. Buku ini adalah terjemahan daripada tajuk asalnya, "Feminism and Islamic Fundamentalism, The Limits of Postmodern Analysis". Beliau menghuraikan realiti

⁵³ Leila Ahmed, *Wanita dan Gender dalam Islam: Akar-akar Historis Perdebatan Modern*, terj. MS. Nasrulloh, (Jakarta: Lentera, 2000)

⁵⁴ Fatima Mernissi, *Pemberontakan Wanita! Peran Intelektual Kaum Wanita Dalam Sejarah Muslim*, terj. Rahmani Astuti, (Bandung: Mizan, 1999)

sosial di kawasan Iran dan Timur Tengah berkenaan dengan hak dan kebebasan wanita. Kajian buku ini berasaskan kepada analisis pos-modern dan menempatkan fundamentalisme dalam Islam sebagai *rival* perbahasan untuk mengekalkan wujudnya kekecewaan muslim feminis dan seruan kepada perubahan sosial. Walaupun kajian buku ini tidak membincangkan wacana kesetaraan gender di Indonesia, namun ia cukup untuk mengetahui *framework*, konsep dan hujah para muslim feminis.⁵⁵

P. Hendrik Njiolah, Pr., seorang biskop (*bishop*) di Makasar menulis buku bertajuk *Ideologi Jender dalam Kitab Suci (Suatu Penggalian)*. Dalam buku ini, beliau menghuraikan identiti gender yang merupakan konstruksi sosial dan ia dilatarbelakangi oleh ideologi gender yang berasaskan budaya patriarkhi. Kajian beliau sampai pada kesimpulan bahawa identiti gender sememangnya merupakan masalah sosiologi dan tidak sepatutnya dijadikan ajaran agama. Maka beliau mengkaji ideologi gender yang termaktub dalam Alkitab (Bible) yang dilatarbelakangi oleh budaya patriarkhi bangsa Israel. Walaupun pada asasnya kajian buku ini tidak berkenaan dengan pemikiran Islam secara langsung, namun ia boleh menjadi pertimbangan bagi mengetahui kemungkinan wujudnya pengaruh luaran terhadap perkembangan tafsiran feminis dalam pengajian al-Qur'an.⁵⁶

Letty M. Russell (Ed.) menerusi makalah-makalah yang beliau sunting dalam buku yang bertajuk *Perempuan dan Tafsir Kitab Suci* menghuraikan bahawa kitab suci baharu boleh menjadi firman atau sabda Allah apabila telah dibebaskan daripada penafsiran seksis (*sexist*) yang mendominasi minda manusia. Buku yang asalnya bertajuk *Feminist Interpretation of The Bible* ini tidak sahaja mengkaji tafsiran-tafsiran yang merugikan wanita, tetapi ia juga mengkaji *bias* patriarkal yang wujud di dalam

⁵⁵ Haideh Moghissi, *Feminisme dan Fundamentalisme Islam*, terj. M. Maufur, (Yogyakarta: LKiS, 2004)

⁵⁶ Hendrik Njiolah, *Ideologi Jender dalam Kitab Suci; Suatu Penggalian*, (Yogyakarta: Pustaka Nusantara, 2001)

teks kitab suci itu sendiri. Walaupun pada dasarnya kajian dalam buku ini terfokus kepada corak tafsir feminis terhadap Alkitab, sehingga ia sangat berbeza dengan tesis penulis. Namun penulis boleh mendapatkan pelbagai metode dan paradigma daripada sarjana-sarjana Kristian yang telah melakukan penafsiran berasaskan gender terlebih dahulu di dalam Alkitab. Sehingga boleh diketahui kemungkinan sama ada wujud atau tidak pengaruh Barat-Kristian ke atas muslim feminis dalam kajian tafsir.⁵⁷

Phyllis Trible, et. al, menulis buku bertajuk *Feminist Approaches to the Bible*. Buku ini merupakan kumpulan kertas kerja yang dibentangkan di satu simposium di The Smithsonian Institution pada tarikh 24 September 1994. Buku ini menghuraikan pelbagai pendekatan tokoh-tokoh feminis moden bagi membaca semula dan menemukan makna sebenar dalam teks Bibel yang pada dasarnya merupakan teks patriarki. Walaupun buku ini tidak memperbahas wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam, namun ia boleh digunakan penulis untuk membuat perbandingan antara bentuk pendekatan tokoh-tokoh feminis Barat terhadap Bibel dan tokoh-tokoh feminis Islam dalam mentafsirkan al-Qur'an dan al-Hadith.⁵⁸

Ahmad Baidowi, *Tafsir Feminis: Kajian Perempuan dalam Al-Quran dan Para Mufasir Kontemporer*. Buku ini mengkaji kecenderungan Asghar Ali Engineer, Riffat Hassan dan Amina Wadud Muhsin dalam memahami ayat-ayat Al Qur'an dengan menggunakan hermeneutika. Ketiga-tiganya adalah para feminis yang berupaya mentafsirkan semula ayat-ayat al-Quran yang selama ini cenderung ditafsirkan secara patriarki oleh para mufasir klasik.⁵⁹

⁵⁷ Letty M. Russell, *Perempuan & Tafsir Kitab Suci (Feminist Interpretation of The Bible)*, terj. Adji A. Utama dan M. Oloan Tampubolon, (Yogyakarta: Kanisius & BPK Gunung Mulia, 1998)

⁵⁸ Phyllis Trible, et. al, *Feminist Approaches to the Bible*, Hershel Shanks, ed., (Washington DC: Biblical Archaeology Society, 1995)

⁵⁹ Ahmad Baidowi, *Tafsir Feminis: Kajian Perempuan dalam al-Quran dan Para Mufasir Kontemporer*, (Bandung, Nuansa, 2005)

Khadījah al-Nabrāwi dalam bukunya, *al-Mar'ah al-Muslimah wa Dawruhā fi l-Nahḍah al-Ḥaḍāriyyah*, menghuraikan sejarah peranan wanita muslimah dalam mencapai kebangkitan tamaddun di kawasan Islam. Di samping itu beliau juga menjawab tohmahan feminis terhadap ajaran Islam yang didakwa merendahkan wanita dengan membolehkan poligami.⁶⁰

Ratna Megawangi menerusi buku beliau, *Mebiarkan Berbeda? Sudut Pandang Baru tentang Relasi Gender*, mengkritik ideologi gender secara mendasar. Beliau mengemukakan bahawa kepelbagaian wanita mengikut agama dan budaya sememangnya tidak boleh dihilangkan dengan dalih keseksamaan wanita dan lelaki. Dalam buku ini beliau menghuraikan pelbagai contoh wanita moden daripada banyak negara dan kecenderungan mereka yang tidak tunggal. Kejayaan dan kemajuan negara tidak boleh dilandaskan kepada kuantiti wanita yang bekerja di ruang awam. *Mebiarkan Berbeda* bererti memberi pilihan kepada wanita untuk memutuskan jalan hidupnya secara mandiri.⁶¹

Ṣalāḥuddīn Sulṭān menghuraikan dalam buku beliau: *Mirāth al-Mar'ah wa Qaḍiyah al-Musāwāh*, tentang konsep keseksamaan dan keadilan dalam harta pusaka. Beliau dengan tegas mengemukakan bahawa konsep pusaka dalam Islam tidak mengikut jantina. Malahan dalam banyak kes, ahli waris wanita mendapatkan bahagian yang sama atau lebih banyak berbanding ahli waris lelaki, kecuali hanya dalam beberapa kes yang sahaja wanita mendapatkan bahagian yang lebih sedikit.⁶²

⁶⁰ Khadījah al-Nabrāwi, *al-Mar'ah al-Muslimah wa Dawruhā fi l-Nahḍah al-Ḥaḍāriyyah*, (Nasr City: Rābiṭah al-Jāmi'āt al-Islāmiyyah, 2009)

⁶¹ Ratna Megawangi, *Mebiarkan Berbeda? Sudut Pandang Baru tentang Relasi Gender*, (Bandung: Mizan, 1999)

⁶² Ṣalāḥuddīn Sulṭān, *Mirāth al-Mar'ah wa Qaḍiyah al-Musāwāh*, (Kaherah: Dār al-Nahḍah Maṣr, 1999)

Makānātu al-Mar'ah fī l-Qur'ān al-Karīm wa l-Sunnah al-Ṣaḥīḥah: al-Ḥuqūq al-Siyāsiyyah wa al-Ijtimā'iyah wa al-Shakhṣiyyah li al-Mar'ah fī al-Mujtama' al-Islāmī, merupakan karya Muḥammad Biltājī yang mengkaji hak-hak peribadi, politik, dan sosial wanita dalam masyarakat Islam. Huraian buku ini sangat komprehensif dalam membincangkan isu-isu wanita dalam Islam yang seringkali dipersoalkan oleh feminis, seperti wanita yang bekerja di luar rumah, pemimpin wanita, pusaka, poligami, dan lain-lain lagi. Di samping itu, perbincangan dalam buku ini diperkaya dengan kes-kes masyarakat moden, tetapi tetap berlandaskan kepada wahyu.⁶³

Maḥmūd Ḥamdi Zaqqūq, ed., *Ḥaqāiqu l-Islām fī Muwājahati Shubuhāti l-Mushakkikīn*, merupakan himpunan tulisan ulama dan pemikir moden yang menjawab pelbagai permasalahan kontemporari yang ditujukan kaum sekular untuk meragukan Islam, termasuklah isu-isu gender, seperti kesaksian wanita, pusaka, dan lain-lain lagi.⁶⁴

Dengan huraian kajian terdahulu di atas, pengkaji tidak mendapati satu kajian yang membahas tajuk yang sedang ditulis pengkaji. Walaupun demikian, pengkaji akan memanfaatkan kajian-kajian terdahulu sepertimana yang dihuraikan di atas sebagai rujukan mengikut kesesuaian dengan isu-isu yang sedang dibahas pengkaji.

1.8. Metodologi penyelidikan

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan perpustakaan dan lapangan. Metode pengumpulan data yang digunakan pengkaji adalah metode dokumentasi. Metode ini

⁶³ Muḥammad Biltājī, *Makānātu l-Mar'ah fī l-Qur'ān al-Karīm wa l-Sunnah al-Ṣaḥīḥah: al-Ḥuqūq al-Siyāsiyyah wa al-Ijtimā'iyah wa al-Shakhṣiyyah li l-Mar'ah fī l-Mujtama' al-Islāmī*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2000)

⁶⁴ Maḥmūd Ḥamdi Zaqqūq, ed., *Ḥaqāiqu l-Islām fī Muwājahati Shubuhāti l-Mushakkikīn*, (Kaherah: al-Majlisu l-A'lā li l-Shu'ūn al-Islāmiyah Wuzāratu l-Awqāf Jumhūriyyatu Miṣra al-'Arabiyyah, 2002)

dijalankan dengan cara mengumpulkan karya-karya ilmiah yang dikarang oleh para tokoh, pemikir dan penyokong wacana kesetaraan gender yang berkenaan dengan pemikiran Islam sebagai sumber rujukan utama (primer). Dalam rangka mengkaji hakikat feminisme dan gender, penulis menelaah buku-buku yang ditulis oleh pemikir Barat, antara lain iaitu: *Women and Religion; In Their Time A History of Feminism in Western Society; Women and Gender: A Feminist Psychology; Feminist Thought: A More Comprehensive Introduction; The Feminist Mistake: The Radical Impact of Feminism on Church and Culture.*

Manakala untuk mengkaji perkembangan pengajian gender dan Islam di Indonesia dan khasnya di UIN Yogyakarta, buku-buku yang ditelaah antara lain: *Islamic Studies Di Perguruan Tinggi: Pendekatan Integratif-Interkonektif; Membina Keluarga Mawaddah wa Rahmah dalam Bingkai Sunah Nabi; Perempuan Tertindas? Kajian Hadis-hadis Misoginis; Keterlibatan Pria dalam Kesehatan Reproduksi: Perspektif Islam; Women in Indonesia: Gender, Equity and Development; Islam Realitas Baru dan Orientasi Masa Depan Bangsa; Dawrah Fiqh Perempuan Modul Kursus Islam dan Gender; Argumen Kesetaraan Gender: Perspektif al-Qur'an;*

Di samping itu, buku-buku yang terlebih dahulu mengkaji fahaman kesetaraan gender dalam pengajian Islam juga ditelaah untuk mengenal pasti keterkaitan hujjah di kalangan pemikir feminis. Buku-buku tersebut antara lain adalah *Tahrīr al-Mar'ah; al-Mar'ah fī Khitābi l-Azmah; Naḥwa Uṣūl Jadīdah li l-Fiqh al-Islāmī: Fiqh al-Mar'ah: al-Waṣīyyah - al-Irth - al-Qawāmah - al-Ta'addudīyyah - al-Libās.*

Manakala kritikan dan analisis terhadap fahaman gender dalam pemikiran Islam, di antara buku yang dikaji iaitu *al-Mar'ah al-Muslimah wa Dawruhā fī l-Nahḍah al-*

Ḥadāriyyah; Mirāth al-Mar'ah wa Qaḍiyah al-Musāwāh; al-Mar'ah fi l-Qur'ān wa l-Sunnah: Markazuhā fi l-Daulah wa l-Mujtama' wa Ḥayātuhā l-Zaujiyyah al-Mutanawwi'ah wa wājibātuhā wa Huqūquhā wa Ādābuhā; Makānatu l-Mar'ah fi l-Qur'ān al-Karīm wa l-Sunnah al-Ṣaḥīḥah: al-Huqūq al-Siyāsiyyah wa l-Ijtimā'iyah wa l-Shakṣiyyah li l-Mar'ah fi l-Mujtama' al-Islāmī.

Metode Historis juga digunakan dalam kajian ini sebagai metode terapan dalam analisis ilmiah, iaitu dengan melihat kepada gejala sejarah daripada biografi, perkembangan pemikiran dan bibliografi. Metode ini banyak digunakan dalam penyelidikan agama, sosial, dan bidang tamadun secara am.⁶⁵ Metode Historis memperhatikan pengumpulan data dan maklumat daripada penyelidikan dokumentasi dan rakaman-rakaman serta peninggalan sejarah. Metode ini digunakan dalam penyelidikan gejala-gejala, peristiwa-peristiwa dan situasi yang telah berlalu pada masa pendek atau panjang, dan hal ini berhubungkait dengan penyelidikan tentang gejala-gejala masa kini dengan merujuk kepada timbulnya gejala-gejala dan perkembangan-perkembangan yang telah berlalu, dan faktor-faktor yang menyokong ke arah terjadinya perkembangan yang wujud sekarang ini.⁶⁶ Metode ini digunakan untuk menghuraikan perbincangan tentang makna sebenar wacana kesetaraan gender, sejarah awal kemunculannya di Barat, dan aliran-alirannya. Di samping itu, metode ini juga digunakan untuk menggali maklumat berkenaan dengan sejarah kemunculan wacana kesetaraan gender di institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia, khususnya di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Metode Induktif (*al-manhaj al-istiqrā'i*) juga digunakan. Ia adalah metode *istinbati* yang dimulai dengan mengumpulkan realiti-realiti khas yang berhubungkait

⁶⁵ Winarno Surahmad, *Pengantar Penelitian Ilmiah: Metode dan Teknik*, (Bandung: T.P.,1990), 15.

⁶⁶ Dhauqan 'Ubaidat, et all, *al-Baḥth al-Ilmi: Maṣḥumuhu, Adawātuhu, Asālībuhu*, ('Amān: Dār al-Fikr Li Nashr wa al-Tawzī', 1987), 17.

dengan perbahaan tesis untuk mendapatkan kaedah dan kesimpulan yang bersifat am.⁶⁷ Penggunaan metode ini dilakukan dengan mengkaji kritikan-kritikan terpenting yang dihasilkan wacana kesetaraan gender menerusi karya-karya para akademisi UIN Sunan Kalijaga ke atas pemikiran Islam. Setelah melakukan penyelidikan ke atas kritikan-kritikan yang dihasilkan wacana kesetaraan gender, penulis mengklasifikasinya ke dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan idea dan tajuknya. Kemudian penulis memperbahasnya berasaskan tajuk pertajuk.

Untuk menganalisis data pengkaji menggunakan *al-manhaj al-tahlīli al-naqdi*. Metode ini dilakukan dengan cara menumpukan minda untuk menganalisis permasalahan-permasalahan yang wujud kemudian melakukan perbahaan mendalam ke atasnya.⁶⁸ Penulis menggunakan metode ini dengan melakukan analisis ke atas pelbagai pendapat dan kritikan daripada para penyokong gender UIN Yogyakarta yang wujud dalam karya mereka. Analisis ini dilakukan dengan cara menyelidiki hasil ijtihād para ulama klasik bagi mengetahui kesesuaian pelbagai kritikan yang ditujukan ke atasnya. Di samping itu, kajian analisis ini juga dilakukan dengan cara mendedahkan akar pemikiran kesetaraan gender di Barat-Kristian untuk menyelidiki setakat mana kesamaan dan perbezaan di antara kedua-duanya.

Manakala dalam penyelidikan lapangan penulis melakukan pengumpulan data dengan menggunakan beberapa metode seperti berikut:

a. Metode temubual iaitu metode untuk mendapatkan sebarang apa yang seseorang rasakan dan fikirkan mengenai dengan dunia mereka. Menerusi temubual kualitatif, seseorang boleh memahami pelbagai pengalaman dan menyusun semula

⁶⁷ Sartono Kartodirjo, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta, 1997, 65

⁶⁸ Mahmud Qasim, *al-Manṭiq al-Ḥadīth wa Manāhij al-Baḥth*, (t.t., t.p., 1980), 281

kejadian-kejadian yang tidak diikuti oleh orang lain.⁶⁹ Metode ini digunakan untuk mendapatkan pandangan dan maklumat daripada ketua Pusat Studi Wanita (PSW) tentang peranan PSW dalam mengembangkan wacana kesetaraan gender dalam pengajian Islam, strategi pengembangan, pencapaian-pencapaian yang dihasilkan, dan isu-isu gender dalam pemikiran Islam di UIN Yogyakarta dalam bab III dan V. Temubual telah dilakukan bersama Dr. Alimatul Qibtiyyah, Ketua PSW (Pusat Studi Wanita) UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, pada tarikh 28 April 2014 dua kali, iaitu di pejabat dan rumah beliau selepas maghrib.

b. Metode observasi iaitu metode yang digunakan seseorang penulis untuk mendapatkan maklumat melalui apa yang dilihat dan didengar semasa melakukan penyelidikan. Penulis harus mengikuti manhaj tertentu, yang mana penyelidikannya dapat dijadikan asas bagi pengetahuannya, atau pemahaman yang kritis terhadap gejala tertentu. Metode ini dibahagi dua bahagian, pertama observasi langsung, yakni seorang penulis mengadakan pengamatan langsung terhadap aktiviti tertentu melalui konteks langsung dengan beberapa orang atau sesuatu yang dipelajari daripadanya. Dalam hal ini, pengkaji mengamati aktiviti pensyarah dan penyelidik di pejabat Pusat Studi Wanita (PSW), serta diskusi dan temubual beberapa mahasiswa di perpustakaan PSW. Yang kedua adalah observasi tidak langsung, iaitu dengan mengamati rakaman-rakaman, laporan-laporan, dan catatan-catatan yang disiapkan oleh orang yang lain,⁷⁰ antara lain dengan mengamati "Hasil Penelitian Kelompok Dinamika Discourse Gender di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta". Metode ini digunakan penulis untuk melengkapi data-data tentang isu-isu gender dalam pemikiran Islam di UIN Yogyakarta dalam bab III dan V.

⁶⁹ Rubin, H.J., & Rubin, I.S., *Qualitative Interviewing, The Art of Hearing Data*, USA, Sage Publication Inc., 1995 dalam Ema Rahmaniah, *Student's Perception of Multicultural Education: A Case Study at Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Pontianak West Borneo Indonesia*, Tesis di IIUM, 2005, hlm. 30

⁷⁰ Dhawqān 'Ubaydāt, et. all., *al-Baḥṭh al-Ilmī: Maḥmūhu, Adawātuḥu, Asālībuhū*, ('Aman: Dār al-Fikr wa al-Tawzī', 1987), 149

Pada bab kelima, penulis mengumpulkan data daripada karya-karya ilmiah tentang wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di UIN Yogyakarta, dokumentasi-dokumentasi kurikulum dan silibusnya, serta teks buku-buku wajib untuk kursus-kursus yang berhubungan dengan isu gender. Selanjutnya, maklumat yang diperolehi daripada temubual dengan pimpinan PSW dan beberapa pegawai kanannya, dianalisis untuk mengetahui kesan wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di UIN Yogyakarta.

1.9. Susunan kajian

Kajian ini mengandungi enam bab yang bermula daripada bab pendahuluan dan mengandungi bahasan tentang latar belakang masalah, pengertian tajuk, soalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, sorotan terhadap kajian terdahulu, metodologi penyelidikan, susunan kajian. Bab pendahuluan ini merupakan pengantar pembahasan dalam tesis ini.

Bab kedua adalah kajian tentang latar belakang feminisme dan sejarah kemunculan wacana gender di institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia. Dalam bab ini, pengkaji membahagi perbincangan ke dalam tujuh bahagian. *Pertama* definisi feminisme dan gender. Dalam bahagian ini diuraikan definisi kedua-dua istilah feminisme dan gender mengikut pemaknaannya yang asli dan digali daripada pemikir feminis Barat. *Kedua* sejarah kemunculan feminisme. Dalam bahagian kedua ini, diuraikan sejarah awal kemunculan feminisme sebagai pergerakan wanita di Barat yang menuntut hak-hak hidup mereka yang asasi. *Ketiga* sejarah perkembangan gender.

Dalam bahagian ini dikaji sejarah lanjutan fahaman kesetaraan gender yang berkembang sehingga kepada semua bidang kehidupan, termasuklah ke dalam bidang akademik. *Keempat*, kajian tentang aliran-aliran feminisme yang meliputi kajian tentang feminisme liberal, feminisme radikal, feminisme Marxis dan Sosialis, feminisme psikoanalisis, feminisme multikultural, global dan Postkolonial dan feminisme pascamoden. *Kelima*, iaitu kajian tentang isu-isu utama dalam feminisme, sama ada feminisme gelombang I, feminisme Gelombang II, mahupun feminisme Gelombang III. *Keenam*, kajian tentang sejarah kemasukan feminisme di Indonesia. Kajian ini mengandungi sokongan kerajaan terhadap feminisme dan kesetaraan gender, dan perkembangan semasa isu-isu gender. *Ketujuh*, kajian tentang sejarah kemasukan wacana kesetaraan gender di institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia.

Bab ketiga menghuraikan wacana kesetaraan gender dalam pengajian Islam Sunan Kalijaga. Bab ini mengandungi tiga bahagian pembahasan, iaitu: *pertama*, sejarah UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. *Kedua*, strategi pengajian Islam berlandaskan gender di UIN Yogyakarta. Dalam bahagian ini dihuraikan penubuhan Pusat Studi Wanita (PSW), penerbitan buku dan jurnal ilmiah, kurikulum, kerjasama dengan lembaga-lembaga feminis daripada luar negara. *Ketiga*, metode-metode feminis dalam pengajian Islam, misalnya: mencari justifikasi teologi yang menyokong idea kesetaraan gender, kritikan terhadap gaya bahasa dan perspektif patriarki terhadap teks-teks wahyu, menampilkan perspektif wanita dalam teks-teks wahyu, dan kritikan sejarah ke atas teks-teks wahyu yang misogynis.

Manakala bab keempat akan dikaji tentang isu-isu wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam. Dalam bab ini akan dihuraikan tentang maksud pemikiran Islam yang digunakan asas untuk menilai isu-isu terpilih dalam wacana kesetaraan gender.

Selanjutnya, pengkaji akan menghuraikan sudut pandang Islam tentang isu-isu poligami, pusaka, kesaksian, dan kesehatan reproduksi.

Bab kelima ini akan dibahasakan isu-isu wacana kesetaraan gender dalam pemikiran Islam di UIN Sunan Kalijaga. Isu-isu yang dibahas ialah isu kesetaraan dalam poligami, isu kesetaraan dalam pusaka, isu kesetaraan dalam kesaksian, dan isu kesehatan reproduksi dalam perspektif gender. Kemudian disusuli dengan kritikan dan analisa ke atasnya dengan berlandaskan pemikiran Islam yang aseli mengikut fahaman Ahli Sunnah wal Jama'ah.

Bab keenam adalah penutup, di mana pengkaji akan membentangkan kesimpulan kajian berdasarkan objektif kajian, dan beberapa cadangan kajian.